

14/01/2003

Liong Sik ingatkan Ah Lek usah terus uji kesabaran

Nadzim Ahmad Jamalludin

KUALA LUMPUR: Krisis kepemimpinan MCA semakin memuncak apabila presiden parti itu, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik semalam mengingatkan timbalannya, Datuk Seri Lim Ah Lek supaya tidak terus membuat kenyataan yang menguji kesabarannya.

"Saya sudah banyak bersabar dengan Ah Lek dan akan terus mengekalkan kesabaran itu. Tetapi saya mahu mengingatkannya bahawa sikapnya yang suka membebel sudah sampai ke tahap menjengkelkan," katanya.

Peringatan itu disuarakan Dr Ling ketika mengulas kenyataan terbaru Lim kelmarin yang menuduhnya bermain politik apabila meletakkan syarat bahawa isu penggantinya perlu diselesaikan terlebih dulu sebelum beliau berundur lebih awal daripada menerajui parti itu.

Ini bukan kali pertama Lim yang mengetuai kumpulan B, mengeluarkan kenyataan yang mencabar kewibawaan Dr Ling yang disokong kumpulan A.

Walaupun dua kumpulan yang bertelagah dalam MCA itu menerima pelan damai yang diusahakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad awal tahun lalu, krisis dalaman parti itu kembali bergolak apabila kumpulan Lim mengadakan perjumpaan di seluruh negara baru-baru ini.

Malah, dalam satu jamuan malam anjuran kumpulan itu di Negeri Sembilan, November lalu, Lim yang juga bekas Menteri Sumber Manusia secara terbuka mengumumkan akan kembali berpolitik secara aktif selepas berehat selama tiga tahun.

Bekas Ahli Parlimen Bentong itu membuat keputusan berkenaan atas alasan ahli MCA kini dalam `kelemasan'. Malah, Lim juga menyatakan hasrat untuk mencabar Dr Ling pada pemilihan parti pada 2005 jika tiada calon lain berbuat demikian.

Sejak itu, kedua-dua kumpulan dalam parti berkenaan sering membuat kenyataan yang membidas antara satu sama lain.

Ditanya bentuk tindakan yang akan diambil terhadap Lim jika timbalannya itu terus membuat kenyataan menguji kesabarannya, Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan, berkata beliau akan terus bersabar.

Menjawab pertanyaan sampai bila beliau akan bersabar, Dr Ling berkata: "Selama-lama yang diperlukan."

Mengenai laporan kononnya beliau sedang menyiapkan senarai calon yang bakal menerajui MCA, Dr Ling berkata, sesiapa juga yang akan menggantikannya dan pemimpin parti itu akan ditentukan ahli parti berkenaan.

"Keputusan untuk menentukan siapa yang bakal memimpin MCA tidak akan diputuskan oleh satu atau dua orang saja," katanya pada sidang akhbar selepas majlis penyerahan rasmi gerabak Bogie Container Flat (BCF) oleh MMC Metal Industries (MMI) Sdn Bhd kepada KTM Bhd (KTMB) di sini.

Mengenai pendapatnya sama ada parti itu memerlukan formula peralihan kuasa seperti dilakukan Umno, Dr Ling berkata, setiap parti mempunyai cara tersendiri untuk menyelesaikan masalah dalaman parti.

"Walau apapun ia perlu dilakukan mengikut cara biasa yang ditetapkan perlembagaan parti. Jika ada cara luar biasa, biarlah luar biasa.

"Tetapi, jika tiada cara luar biasa, ikut cara biasa yang ditetapkan perlembagaan parti," katanya.

Dr Ling juga tidak menolak kemungkinan mesyuarat Jawatankuasa Pusat (CC) MCA Rabu ini akan membincangkan perkara berkenaan jika ada pihak yang membangkitkannya dan mengemukakan idea bernas.

"Bagaimanapun, kita tidak boleh terburu-buru kerana bimbang tersilap

langkah," katanya.